

26/08/2002

Tema Hari Wanita mempunyai implikasi kepada masyarakat

Dr Nik Safiah Karim

SEMALAM, 25 Ogos 2002, sekali lagi kaum wanita di negara ini menyambut Hari Wanita. Seperti pada tahun-tahun lalu, sambutanannya amat meriah, dengan beberapa acara menarik.

Antara kegiatan yang disusun termasuklah perhimpunan persatuan ibu tunggal di seluruh negara, gerakan untuk mewujudkan kesedaran terhadap aspek kesihatan, dan persidangan sehari yang diberi nama Persidangan Kemuncak Wanita.

Yang menjadi kemuncak perayaan ini ialah majlis perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Bukit Jalil, dihadiri oleh tidak kurang daripada 10,000 orang wanita.

Tema perayaan tahun ini ialah "Memupuk Generasi Berilmu". Bagi saya, tema ini amat tepat, kerana beberapa sebab. Pertama ialah penekanan yang diberikan kepada ilmu pengetahuan.

Dalam dunia yang serba maju ini, negara dan masyarakat hanya dapat berdiri teguh dan kukuh jika berlandaskan ilmu pengetahuan. Apatah lagi dalam konteks era globalisasi dan kemajuan yang berasaskan ilmu sains dan teknologi.

Oleh itu, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, yang mempunyai pandangan jauh dan memilih tema ini untuk memajukan kaum wanita di negara ini.

Sesungguhnya kemajuan kaum wanita itu sendiri amat berkait dengan pencapaian ilmu pengetahuan.

Konsep ilmu pengetahuan hendaklah diambil dengan pengertian yang seluas-luasnya.

Pada tahap yang paling dasar, kita maksudkan ilmu yang diperoleh melalui sistem persekolahan.

Di sini penekanan ialah pada pembelajaran ilmu asas yang akan membolehkan seseorang pelajar menjadi individu yang berfikir dan bijak. Ilmu pada tahap ini diberi ukuran melalui kelulusan tertentu, yang diperoleh melalui peperiksaan tertentu.

Ilmu juga bererti pengetahuan yang diperoleh melalui cara tidak formal, seperti yang diajarkan di rumah oleh ibu bapa dan kaum keluarga.

Ilmu tidak formal ini juga disampaikan melalui ajaran antara kawan-kawan dan sahabat handai, melalui kegiatan berpersatuan dan seumpamanya.

Ilmu juga amat luas cakupannya. Ilmu tidak terhad semata-mata pada mata pelajaran sekular yang diajarkan di sekolah tetapi juga yang berasaskan nilai murni, yang berkait dengan ajaran agama.

Satu lagi aspek ilmu ialah proses memperolehnya tidak terhad kepada umur tertentu.

Ungkapan "belajar sepanjang hayat" sering digunakan untuk menyampaikan maksud ini.

Seseorang itu tidak berhenti mencari ilmu dan memperoleh pengetahuan selepas meninggalkan bilik darjah atau memasuki alam dewasa. Dia tetap boleh terus-menerus belajar, kerana proses pembelajaran tidak mengenal waktu dan usia.

Pada masa ini, kita dapat membezakan antara orang yang berkelulusan dengan orang yang berilmu. Orang yang berkelulusan ialah orang yang telah menjalani kursus tertentu yang pada akhirnya memberikan orang itu satu kelulusan tertentu, misalnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Pada tahap institusi pengajian tinggi, terdapat gelaran kelulusan yang tinggi nilainya di kaca mata masyarakat, misalnya ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

Orang yang berkelulusan tidak semestinya orang yang berilmu, kerana berilmu membawa erti mempunyai kebijaksanaan.

Seseorang boleh menjalani kursus dan mendapat ijazah, tetapi peribadinya tidak matang dan ilmu yang dipelajari tidak mendalam.

Pada hakikatnya, matlamat pendidikan sebenarnya bertujuan menjadikan seseorang itu bijak, mempunyai ilmu dan berhemah tinggi.

Oleh itu, tema yang dipilih untuk perayaan Hari Wanita tahun ini, iaitu "Memupuk Generasi Berilmu" hendaklah diambil dengan pengertian kedua ini, iaitu generasi yang ingin dipupuk benar-benar mempunyai pengetahuan mendalam dan bijak. Matlamat utama adalah untuk melahirkan generasi yang akan membawa manfaat kepada negara dan bangsa.

Sebenarnya, matlamat ini tidak ditujukan kepada kaum wanita semata-mata.

Dalam membina bangsa dan negara dalam konteks abad ke-21, semua warganegara perlu dipupuk supaya menjadi masyarakat berilmu.

Generasi akan datang, yang akan mewarisi hasil perancangan kita ke arah Wawasan 2020, hendaklah masyarakat yang boleh berfikir, yang dapat mengeksploitasi semua aspek kemajuan sains dan teknologi, dan mengambil manfaat daripada globalisasi.

Oleh sebab itu, apabila tema ini diaplikasi, konsep "ilmu" hendaklah juga diertikan dalam konteks kemajuan yang sedang berlaku dalam masyarakat kita pada masa ini.

Dua aspek perlu diberi tekanan, iaitu kemajuan sains dan teknologi dan kemajuan teknologi maklumat.

Kita tahu bahawa asas Wawasan 2020 ialah kemajuan industri yang berasaskan kemajuan sains dan teknologi.

Maka generasi akan datang hendaklah dipupuk untuk menguasai bidang ini.

Maka itu, istilah k-ekonomi amat kerap digunakan pada masa ini. "K" ialah kependekan bagi perkataan "knowledge" dalam bahasa Inggeris, yang bererti ilmu pengetahuan. Pada masa ini kerajaan sedang membuat perancangan untuk memupuk ekonomi negara berasaskan ilmu pengetahuan.

Dengan kata lain, agar perancangan ini berjaya, maka generasi muda hendaklah dipupuk dengan ilmu pengetahuan secukupnya, supaya perancangan k-ekonomi kita benar-benar dapat dicapai.

Ini bererti pemilihan tema "Memupuk Generasi Berilmu" amat kena pada tempatnya. Dengan memberi penekanan kepada wanita berilmu, kita menentukan seluruh generasi akan datang dipupuk berasaskan ilmu pengetahuan.

Ini kerana sebagai ibu, wanita bertanggungjawab melahirkan generasi akan datang.

Maka wanita yang berilmu akan memastikan kelahiran generasi yang juga berilmu.

Demikianlah jelasnya bagaimana tepatnya pemilihan tema perayaan Hari Wanita tahun ini.

Tema ini walaupun dihasilkan untuk perayaan Hari Wanita, mempunyai implikasi kepada seluruh masyarakat.

Semoga kaum wanita di Malaysia dapat memanfaatkan implikasi yang amat besar ini.